

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah drastik pihak Kerajaan dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar khususnya daripada asap industri dan limpahan bahan cemar ke sungai dan apakah mekanisme dan peralatan yang digunakan untuk menangani isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kawalan Pelepasan Asap

1. Pelepasan asap industri dikawal di Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 atau PUB 2014. PUB 2014 dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) ke atas premis yang berpotensi menjadi punca pencemaran udara, tertakluk kepada pemakaian perindustrian dan perniagaan. Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), terdapat 10,984 buah premis daripada pelbagai jenis industri tertakluk di bawah PUB 2014 di seluruh negara.
2. Di bawah PUB 2014, pelepasan pencemar udara daripada industri dikawal dengan penetapan nilai batas pencemar seperti parameter habuk (*Total PM*), sulfur dioksida (SO_2), nitrogen dioksida (NO_2), karbon monoksida (CO) atau lain-lain, mengikut jenis-jenis industri seperti penjanaanan & kuasa, industri kimia & petrokimia atau lain-lain.
3. Antara peruntukan peraturan-peraturan di bawah PUB 2014 adalah menghendaki supaya premis industri dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran udara seperti *bag filter*, *electrostatic precipitator* atau *scrubber*, dan pihak industri hendaklah menjalankan pemantauan prestasi bagi komponen sistem tersebut.
4. Pihak industri adalah dikehendaki menjalankan pemantauan pelepasan udara (emission monitoring) secara berkala atau berterusan, bergantung kepada jenis parameter dan jenis industri. Pemantauan yang dijalankan secara berterusan adalah dihubungkan secara dalam talian terus dengan JAS melalui Continuous Emission Monitoring System (CEMS).
5. JAS memantau dan menjalankan pemeriksaan ke atas premis secara berkala dan secara kejutan bagi memastikan premis patuh terhadap kehendak PUB 2014 secara khususnya dan terhadap Akta

Kualiti Alam Sekeliling, 1974 secara amnya. Dari Januari hingga Oktober 2019, JAS telah menjalankan sebanyak 6,105 lawatan penguatkuasaan ke atas premis yang tertakluk di bawah PUB 2014 di seluruh negara. Dalam tempoh tersebut sebanyak 20 kes telah didakwa di mahkamah bagi pelbagai kesalahan di bawah PUB 2014.

6. Dari segi perancangan jangka masa panjang untuk memantau tahap pencemaran udara, JAS akan mensyaratkan pihak industri supaya mengisytiharkan beban pelepasan ke udara (declare emissions loading) secara dalam talian dan dihubungkan terus dengan sistem pemantauan JAS.

Kawalan Bahan Cemar

7. Kawalan terhadap buangan terjadual daripada industri dikawal di Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Peraturan ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) ke atas premis yang berpotensi menjadi punca pencemaran buangan terjadual, tertakluk kepada pemakaian perindustrian dan perniagaan.

8. Di bawah peraturan ini, pengurusan buangan terjadual daripada industri dikawal dengan melalui penguatkuasaan ke atas industri dan industri dikehendaki melaporkan penghasilan buangan terjadual ke dalam sistem atas talian ESWIS dan seterusnya melupuskan buangan tersebut ke premis yang ditetapkan (dilesenkan) oleh JAS.

9. JAS memantau dan menjalankan pemeriksaan ke atas premis secara berkala bagi memastikan premis patuh terhadap kehendak peraturan secara khususnya dan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 secara amnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

10. JAS sedang memperkukuhkan sistem pengesanan sedia ada dengan perolehan dan pemasangan 25 unit tambahan pengesan gas jenis *Photoionization Detector*, dengan izin, (PID) , yang semua akan siap dipasang sebelum penghujung tahun ini. Selain dari ini, pihak JAS juga memperolehi, satu unit *Gas Chromatograph – Mass Spectrometry*, dengan

izin (GC-MS), satu unit *Gas Chromatograph - Flame Ionization Detector*, dengan izin, (GC-FID), dan enam unit mudah alih *Cerex Fourier Transform Infrared*, dengan izin, (FTIR).

11. Disamping itu, 15 unit *Particulate Analyser* dan 10 unit *Gas Analyser*, dengan izin, sedang diperolehi menerusi proses tender terbuka untuk diagihkan kepada cawangan-cawangan JAS Negeri.

12. Akhirnya, Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sedang menggubal baharu Akta Alam Sekitar bagi menggantikan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi memastikan Akta baharu Alam Sekitar lebih relevan dan berkesan, pihak Kementerian telah melantik Akademi Sains Malaysia untuk mengkaji kelemahan AKAS dan mencadangkan pengukuhan. Secara amnya, skop Akta baharu Alam Sekitar akan diperluaskan supaya merangkumi aktiviti-aktiviti baharu manakala penalti kesalahan dijangka lebih tegas. Kajian oleh ASM dijangka siap menjelang penghujung tahun 2019 dan Rang Undang-Undang akan dimuktamadkan di peringkat Kementerian. Pada waktu ini, Rang Undang-Undang Akta baharu Alam Sekitar dijangka dibentangkan pada sesi kedua Parlimen tahun 2020.